

Bahagian 1:

Menyorot Sejarah Cukai Langsung Negara

Di Malaysia, hasil terbesar negara datang daripada cukai langsung yang menyumbang kepada sekitar 40 peratus pendapatan negara dan diikuti dengan hasil cukai tidak langsung serta hasil-hasil lain. Merujuk kepada Akta Cukai Pendapatan 1967, cukai langsung merupakan satu cukai yang dikenakan secara terus kepada pembayar cukai. Antara contoh cukai langsung yang terdapat di Malaysia termasuklah Cukai Pendapatan Individu, Cukai Korporat, Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dan Cukai Petroleum. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) atau HASiL merupakan agensi tunggal kerajaan yang menguruskan kutipan cukai langsung negara. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh HASiL, jumlah kutipan cukai yang dikutip sejak tahun 1995 hingga kini telah melebihi RM1 trilion. Malahan pada ketika ini rekod kutipan cukai pendapatan HASiL telah mencapai angka tiga digit, iaitu melebihi RM100 bilion pada setiap tahun sejak tahun 2011. Hasil kutipan cukai pendapatan ini secara tidak langsung membantu kerajaan dalam merangka pelan pembangunan negara yang mapan seperti Rancangan Malaysia yang telah masuk edisi kedua belas pelaksanaannya di Malaysia.

Menyorot kembali sejarah percukaian negara, pada zaman awal tamadun manusia, cukai dikenakan sama ada dalam bentuk sumbangan tenaga manusia, hasil pertanian atau barangan. Ketika sistem mata wang masih belum diperkenalkan, cukai dibayar dalam bentuk barangan seperti gandum, binatang ternakan, kain dan barangan lain. Tujuan cukai dikenakan juga berubah-ubah mengikut peredaran zaman. Contohnya pada zaman tamadun Greek purba, cukai yang dikenali sebagai *eisphora* dikenakan pada waktu peperangan sebagai sumber tambahan untuk membiayai perbelanjaan peperangan. Manakala ketika tamadun Rom pula, selain daripada pengenaan duti import dan eksport (*portoria*), cukai dikenakan ke atas pemindahan harta pusaka bagi tujuan menyediakan dana persaraan anggota tentera. Pada zaman Kerajaan Melayu Melaka telah wujud peraturan dan pelabuhan serta hal-hal yang berhubungan dengan struktur percukaian yang melibatkan saudagar asing dan tempatan. Pada masa itu, pemungut cukai dan segala yang berhubungan dengan cukai adalah di bawah tanggungjawab Penghulu Bendahari yang bertugas sebagai:

"... the Chief of the Exchequer. (He) controlled all the revenue and Customs Officers and looked after the palace building and equipment".

(R.J.W.Wilkinson "The Melaka Sultanate", JMBRAS VOL. XIII-Pt.2, 1935, P.31).


Jawatan yang bertanggungjawab untuk memungut cukai ialah Syahbandar. Mereka merupakan golongan yang menguatkuasakan peraturan-peraturan dan

undang-undang pelabuhan melalui kuasa yang telah diberikan oleh Raja.

Memandangkan Selat Melaka merupakan antara laluan perdagangan yang paling sibuk di dunia pada ketika itu, cukai dikutip bagi memantapkan fasiliti atau kemudahan di pelabuhan Melaka hinggalah ke hari ini. Pada ketika itu, gajah yang digunakan sebagai kenderaan darat terpenting juga merupakan antara barang dagangan yang utama. Pada tahun 1605 Masihi, gajah yang dieksport dikenakan duti eksport berupa satu pahar emas untuk seekor gajah. Selain itu, raja-raja Melayu juga mengenakan cukai ke atas perahu yang melalui jalan sungai memandangkan laluan sungai merupakan laluan terpenting dan paling mudah pada ketika itu. Kedudukan Melaka yang strategik dan kelebihannya sebagai pelabuhan *entreport* (pusat pengumpulan dan peredaran barangan dari timur dan barat) menyebabkan Melaka sentiasa menerima ancaman daripada negara-negara luar. Bagi mendapatkan perlindungan daripada serangan Raja Siam dan Majapahit, Parameswara telah menghantar ufti ke China memandangkan China merupakan kuasa terkuat di sebelah timur. Penghantaran ufti bermula sejak tahun 1403 semasa ketibaan utusan pertama Maharaja China ke Melaka.

Pentadbiran cukai pendapatan Tanah Melayu berubah dari zaman ke zaman bermula dari Zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga ke era pihak Inggeris. Percukaian yang digubal pada peringkat awal, iaitu sebelum tahun 1948 banyak memihak kepada kepentingan pemerintahan penjajah Inggeris, lantas menyebabkan pemerintahan Inggeris kurang mendapat sokongan daripada rakyat. Berdasarkan laporan Heasman 1947 dan Ordinan Cukai Pendapatan 1920, sistem perundangan cukai pendapatan dalam bentuk moden berjaya diperkenalkan di Malaya dalam bentuk Ordinan Cukai Pendapatan 1947 dan digantikan dengan Akta Cukai Pendapatan 1967, berkuat kuasa mulai 1 Januari 1968 dan kekal diguna pakai hingga ke hari ini. Selepas kemerdekaan dicapai pada tahun 1957, tiada perubahan ketara yang dapat dilihat dalam landskap ekonomi negara sepanjang tahun 1950-an hingga tahun 1960-an. Perkembangan utama hanya dapat dilihat dalam aspek politik negara dan perundangan mewarnai Malaysia pada ketika itu. Hal ini demikian kerana aktiviti ekonomi negara masih bergantung pada sektor komoditi, iaitu getah dan bijih timah. Kepesatan sektor tersebut telah menyumbang kepada 70 peratus daripada perolehan eksport negara dan 28 peratus daripada hasil cukai kerajaan pada ketika itu. 

Bahagian 1: Menyorot Sejarah Cukai Langsung Negara



Melintang

1. Siapakah yang bertanggungjawab untuk memungut cukai pada zaman Kerajaan Melayu Melaka?
2. Cukai _____ merupakan satu daripada contoh cukai langsung yang terdapat di Malaysia.
3. Melaka telah menghantar _____ kepada negara China bagi mendapatkan perlindungan daripada serangan Raja Siam dan Majapahit.

Menegak

4. Pada zaman tamadun Greek purba, cukai dikenali sebagai _____ sebagai sumber tambahan untuk membiayai perbelanjaan peperangan.
5. Apakah tujuan pemungutan cukai pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?
6. Apakah hasil terbesar yang menyumbang kepada pendapatan negara?
7. Berkuat kuasa 1 Januari 1968, Ordinan Cukai Pendapatan 1947 digantikan dengan _____ 1967.
8. Apakah nama agensi yang menguruskan kutipan cukai langsung negara di Malaysia?

PERATURAN

1. Semua pembaca *Dewan Siswa* yang berumur antara 13 hingga 21 tahun boleh menyertai peraduan ini, kecuali kakitangan dan keluarga Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Keputusan pengadil muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak dilayan.
3. Tekaian hendaklah sampai kepada kami sebelum atau pada **31 Mac 2024**. Jawapan yang diterima lebih awal dan betul semua jawapannya akan diberikan keutamaan.
4. Sertakan nama penuh, alamat, nombor telefon dan jawapan yang tepat.

Borang Penyertaan

Nama : No. Kad Pengenalan :

Alamat Rumah : No. Telefon :

..... Nama Bank :

..... No. Akaun Bank : (Akaun bank milik peserta)

Nama Sekolah/Institut : E-mel :

Alamatkan jawapan anda kepada:

Editor *Dewan Siswa*, Bahagian Majalah, Dewan Bahasa dan Pustaka, 50460 Kuala Lumpur
atau e-melkan kepada sitiirni@dbp.gov.my atau syafiqahkhalid@dbp.gov.my

HADIAH
MENARIK MENANTI
PEMENANG